

## MAMPU TURUN PADANG

Perkhidmatan Awam kini sedang berhadapan dengan pelbagai perubahan drastik dalam melaksanakan operasinya di tengah-tengah kegawatan bagi menangani pelbagai masalah yang timbul dipersekitarannya. Perubahan persekitaran dan peningkatan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan menuntut perkhidmatan awam mengkaji semula, memikir dengan serius serta melakukan transformasi bagi memacu pencapaian prestasi dan daya saing negara yang lebih tinggi. Justeru, beberapa kelemahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan perlu ditangani dengan lebih strategik dan memerlukan agensi sektor awam menyediakan inisiatif-inisiatif perkhidmatan yang lebih berkualiti serta dapat memberi impak kepada kumpulan sasaran bagi mencapai aspirasi dan wawasan negara.

Sebagai peneraju pemodenan pentadbiran Perkhidmatan Awam yang terbilang, MAMPU telah mengadakan **program outreach** ke pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri untuk berbincang dan merangka kaedah-kaedah yang sesuai bagi mempertingkatkan dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan di agensi-agensi barisan hadapan negeri-negeri terbabit. Di samping itu, MAMPU telah memainkan peranan yang aktif di dalam memberikan bimbingan kepada jabatan/agensi Kerajaan dalam bentuk **khidmat rundingan Pengurusan Strategik** dan **Pengurusan Sumber Manusia**. Perkara ini juga adalah selaras dengan matlamat utama Komitmen Perkhidmatan Awam Malaysia 2008 untuk menginstitusikan satu

perkhidmatan yang berkualiti tinggi melalui inisiatif dan tumpuan penambahbaikan di *frontline delivery*.

### **Program Outreach**

Setakat ini, **program outreach** yang diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Ketua Pengarah MAMPU telah dilaksanakan ke atas agensi-agensi seperti berikut:

- Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu pada 17 Mac 2008;
- Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 18 April 2008;
- Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah pada 12 Mei 2008;
- Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 9 Jun 2008;
- Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis pada 30 Jun 2008; dan
- Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada 12 Ogos 2008.

### **Program Outreach ke Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis**



## Program *Outreach* ke Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah



## **Khidmat Rundingan Pengurusan Strategik dan Pengurusan Sumber Manusia**

**Khidmat rundingan** yang telah diberikan kepada agensi-agensi adalah seperti berikut:

- Bengkel Perancangan Strategik Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada 2-4 April 2008;
- Bengkel Pengurusan Sumber Manusia Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada 24-26 April 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik Kementerian Pengangkutan pada 24-26 April 2008;
- Seminar Perancangan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan pada 30 April 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada 3-5 Mei 2008;
- Bengkel Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pelancongan pada 14-15 Mei 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik Lembaga Pelabuhan Kuantan pada 2-4 Jun 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik dan Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Perpaduan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan pada 7-8 Jun 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik Majlis Keselamatan Negara pada 3-6 Julai 2008;
- Bengkel Perancangan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 26-28 Julai 2008;

- Bengkel Perancangan Strategik Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Negeri Sabah pada 29-30 Julai 2008; dan
- Bengkel Perancangan Strategik Kementerian Luar Negeri pada 28 Ogos 2008.